

AKHBAR : SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATION

SUNDAY TIMES m/s 13 NATION. 16/2/25
SUNDAY
VIRAL VIDEO

Driver who kept circling roundabout undergoing mental health treatment

KLUANG: Police have confirmed that the driver of a white Perodua Axia that was seen repeatedly circling the Mahkota Roundabout here is undergoing mental health treatment.

Kluang police chief Assistant Commissioner Bahrin Mohd Noh said the car was driven by a man, in his 50s, who holds Class B2 and D driving licences, valid until 2027.

Bahrin said the car belonged to the driver's older brother.

"The driver received treatment at Permai Hospital in Johor Baru in 2020 and 2021 for a mental health condition.

"Recently, he received treatment at Enche' Besar Hajjah Khalsom Hospital in Kluang for schizophrenia. He is still receiving

treatment at the PSY Clinic and holds a medical treatment card."

He said police received a report on the incident at 8.20pm on Thursday.

"Police stopped the vehicle about 10 minutes later. No accidents or injuries were reported."

Bahrin said police advised the driver's family not to allow him to leave home without supervision and to prohibit him from driving.

A 57-second video showing a Perodua Axia repeatedly circling

the Mahkota Roundabout went viral. The driver allegedly did this from morning till night.

In the video, the car can be seen making continuous loops with its hazard lights flashing.

Recently, he received treatment at Enche' Besar Hajjah Khalsom Hospital in Kluang for schizophrenia.

ASSISTANT COMMISSIONER BAHRIN MOHD NOH

Kluang police chief

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR MBS 6 NATION. 16/2/25 SUNDAY

Covid-19, influenza vaccination mandatory for high-risk haj pilgrims

KUALA LUMPUR: All prospective haj pilgrims are required to obtain the meningococcal vaccine, while the Covid-19 and influenza vaccines are mandatory for those in high-risk groups.

The Health Ministry, citing a press release issued by Tabung Haji (TH) yesterday, said the Covid-19 and influenza vaccination is required for pilgrims aged 65 and above and individuals classified as high-risk during

health screenings.

Eligible haj pilgrims can obtain the Covid-19 vaccine free of charge at 247 selected health clinics nationwide, with appointments to be scheduled via the MySejahtera application or TH's official website at www.tabung-haji.gov.my.

Covid-19 vaccination appointments can be arranged through MySejahtera from Feb 14, with vaccinations set to begin on Feb

17, Bernama reported.

"Appointment reminder notifications will also be sent via MySejahtera a day before the scheduled date," the ministry said in a statement yesterday.

According to the Health Ministry, pilgrims who do not fall under the mandatory category may opt for voluntary Covid-19 vaccination at designated healthcare facilities after consultation with a medical officer.

Meanwhile, those aged 65 and above and individuals classified as high-risk during health screenings must obtain the influenza vaccine at private healthcare facilities listed on MySejahtera or those authorised to upload the Digital Vaccination Certificate to the application.

"In line with the recently announced National Influenza Immunisation Programme, Malaysian haj pilgrims aged 60 and above

with at least one chronic illness can receive the influenza vaccine for free at selected government health facilities.

"Appointments can be made via MySejahtera from Feb 14, with vaccination slots available from Feb 18," it added.

The public may contact the Health Ministry or TH for further inquiries regarding the latest vaccination guidelines for haj pilgrims.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : D/NEGERI

KOSMO! Ahad 16 FEBRUARI 2025

NEGERI 7

KOSMO AHAD M/S 7 NEGERI 16/2/25 AHAD.

Bakal jemaah haji golongan berisiko perlu lengkap vaksinasi

PETALING JAYA - Semua bakal haji diwajibkan menerima suntikan vaksin Meningococcal, manakala vaksin Covid-19 dan influenza pula diwajibkan kepada kumpulan sasaran tertentu, selaras dengan ketetapan Kerajaan Arab Saudi.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, bakal haji berumur 65 tahun ke atas serta individu yang dikategorikan berisiko tinggi semasa pemeriksaan kesihatan perlu mendapatkan suntikan

kan vaksin Covid-19 dan influenza sebelum menunaikan ibadah haji.

Kata KKM, suntikan vaksin Covid-19 boleh diperoleh secara percuma di fasiliti kesihatan kerajaan terpilih berdasarkan janji temu yang dibuat melalui aplikasi MySejahtera bermula kelmarin, manakala suntikan bermula pada 17 Februari ini.

"Bagi memastikan kelancaran program, senarai 247 klinik kesihatan telah dikenal pasti di selu-

ruh negara boleh diakses melalui aplikasi MySejahtera atau laman rasmi TH di www.tabunghaji.gov.my," kata kenyataan itu semalam.

Selain itu, bakal haji yang bukan dalam kumpulan sasaran boleh mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 secara sukarela di fasiliti kesihatan berkaitan setelah mendapat konsultasi daripada pegawai perubatan.

Sementara itu KKM berkata, bakal haji berumur 65 tahun ke

atas serta individu berisiko tinggi perlu mendapatkan suntikan vaksin influenza di fasiliti swasta yang tersenarai dalam aplikasi MySejahtera, atau mana-mana fasiliti swasta yang boleh memuat naik Sijil Digital Vaksinasi ke dalam aplikasi tersebut.

"Selaras dengan Program Immunisasi Influenza Kebangsaan, bakal haji warganegara berumur 60 tahun ke atas yang menghidap sekurang-kurangnya satu penyakit kronik boleh menda-

patkan vaksin influenza secara percuma di fasiliti kesihatan kerajaan terpilih.

"Janji temu boleh dibuat melalui aplikasi MySejahtera bermula kelmarin, dengan tarikh janji temu akan dibertika bermula 18 Februari ini," ujarnya.

KKM memberi jaminan akan terus bekerjasama dengan TH bagi memastikan pelaksanaan Perkhidmatan Vaksinasi Bakal Haji 1446H/2025M berjalan dengan lancar.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD M/S 3 NASIONAL .16/2/25 AHAD

Hariz tidak boleh lihat lagi



Hariz Iman ketika mendapatkan rawatan di hospital.



Hariz Iman bersama ibunya, Norshahida (kiri) dan bapanya, Mohd Herman.

Kedua-dua mata kanak-kanak itu buta akibat kanser saraf

SHAH ALAM

Tiada apa yang paling menyedihkan selain melihat anak yang disayangi menahan sakit, lebih-lebih lagi ketika usia masih kecil.

Itu kenyataan pahit yang harus ditemuhi pasangan Mohd Herman Rusli, 38, dan Norshahida Md Nayan, 38, apabila anak lelaki berusia dua tahun disahkan menghidap kanser saraf atau neuroblastoma tahap empat pada 5 Ogos tahun lalu.

Mohd Herman yang berkerja dalam bidang teknologi maklumat (IT) berkata, kanser menyebabkan Muhammad Hariz Iman hilang penglihatan secara kekal.

"Dahulu dia bermain macam kanak-kanak normal lain, boleh nampak dan pegang mainan. Tetapi sekarang saya tak

mampu tengok dia bermain walaupun hanya pandang dari jauh. Sampai sekarang saya masih menitikn air mata mengenangkan nasib dia.

"Saya tak boleh tenung mata dia lama-lama walaupun ketika dia celik atau tidur," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Mohd Herman berkata, dia berharap keajaiban agar kedua-dua mata anaknya itu sembuh seperti sediakala.

"Kanser berada di dalam mata, kami tak nampak. Tapi kehilangan penglihatan ini, kami nampak. Pada awalnya, anak saya tak mahu berjalan dan nak berdiri pun takut, tetapi selepas tujuh bulan ini, nampak ada peningkatan," katanya.

Bapa kepada lima anak itu berkata, selain rawatan kemoterapi, anaknya juga sudah selesai menjalani pembedahan membuang ibu kanser di kelenjar adrenal iaitu di atas buah pinggang kanan.

Mohd Herman berkata, dia juga hiba melihatkan muka anak keempatnya itu seperti terbakar berikutan kesan selepas menerima rawatan kemoterapi.

Ditanya mengenai simptom awal yang dikesan, Mohd Herman berkata, dia bersama isterinya mendapati terdapat satu garisan biru dan bengkak kecil pada batang hidung, antara kedua-dua belah mata anaknya itu.

"Dia muntah selepas minum susu. Ada satu ketika dia tengok telefon dan rapatkan mata seperti tidak nampak tetapi kami tidak sedar kerana sangka ia perkara biasa untuk kanak-kanak. Kami bawa ke klinik tetapi doktor hanya beralakan dengan ubat kerana syak dia jatuh.

"Dua minggu kemudian, kami tengok bengkak pada hidungnya makin besar dan kebetulan dia minta nak makan kek. Sebelum ini dia makan sendiri tetapi pada hari itu, dia seolah-olah sedang mencari dan meraba-raba kek di hadapannya.

"Ketika itu, kami mula sedar yang dia sudah hilang penglihatan dan bawanya ke salah satu hospital di Putrajaya sebelum ditahan wad. Pada 5 Ogos, dia disahkan menghidap kanser," jelasnya.

Masih ramai ibu bapa takut lakukan saringan kanser untuk anak

KUALA LUMPUR - Masih ramai ibu bapa ragu-ragu untuk melakukan saringan awal bagi mengesan kanser dalam kalangan anak mereka termasuk menjalani ujian khusus seperti pengambilan sumsum tulang atau air tulang belakang.

Pakar Kanak-Kanak Hematologi dan Onkologi, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM), Profesor Madya Dr Norsarwany Mohamad berkata, takut dengan kesan sampingan dan kos rawatan antara faktor ibu bapa enggan menjalankan ujian tersebut, walaupun ia selamat dan penting untuk diagnosis awal.

"Ramai ibu bapa bimbang ujian itu akan mendatangkan kesan negatif kepada anak mereka. Ada juga yang takut dengan kos rawatan, sedangkan hospital mempunyai mekanisme bantuan untuk pesakit kurang berkemampuan," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berkenaan statistik setiap tahun dianggarkan 800 hingga 1,000 kanak-kanak di Malaysia didiagnosis menghidap kanser.

Jumlah itu merangkumi kira-kira tiga hingga empat peratus daripada jumlah keseluruhan kes kanser di negara ini.

Dr Norsarwany berkata, stigma terhadap kanser turut menjadi cabaran besar dalam meyakinkan ibu bapa kerana ramai menganggap penyakit itu bermaksud 'hukuman nati' atau rawatan seperti kemoterapi sangat menyakitkan dan mempunyai kesan sampingan teruk.

"Hakikatnya, rawatan kanser semakin maju dengan kadar kesembuhan lebih tinggi dan ubat-ubatan yang dapat mengurangkan kesan sampingan," jelasnya.

Tambah beliau, kelewatan mengenal pasti simptom boleh menyebabkan penyakit itu merebak ke seluruh tubuh, menyukarkan rawatan dan mengurangkan kadar kesembuhan secara drastik.

